UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

ETIKA PROFETIK DALAM NOVEL NAJIB AL-KILANI

MOHAMAD YAZID ABDUL MAJID

FBMK 2018 39

ETIKA PROFETIK DALAM NOVEL NAJĪB AL-KĪLĀNĪ

Oleh

MOHAMAD YAZID ABDUL MAJID

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

November 2017

© COPYRIGHT UPM

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia

© COPYRIGHT UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

ETIKA PROFETIK DALAM NOVEL NAJĪB AL-KĪLĀNĪ

Oleh

MOHAMAD YAZID ABDUL MAJID

November 2017

Pengerusi : Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini merupakan kajian dalam bidang kesusasteraan Arab Moden yang menumpukan kepada karya novel pengarang terkenal kelahiran Mesir iaitu Najīb al-Kīlānī. Bertitik tolak daripada statusnya sebagai seorang 'sasterawan Islam bertaraf antarabangsa', malah dianggap sebagai pelopor *al-Adab al-Islāmiy atau* 'sastera Islam' di rantau Arab, justeru kajian ini melihat adanya kewajaran melakukan penelitian terhadap novel-novelnya yang memiliki kredibiliti untuk menjadi 'model' dalam menghasilkan sesebuah karya sastera Islam waima di rantau Arab mahupun di Nusantara. Bagi meneliti novel-novel tersebut, sebuah gagasan 'sastera Islam' yang dikemukakan oleh Kuntowijoyo dijadikan sebagai kerangka analisis. Gagasan tersebut iaitu Gagasan Sastera Profetik bertitik tolak dari ayat 110 surah Ali 'Imran yang menggariskan tiga Etika Profetik, iaitu humanisasi (amar makruf), liberasi (nahi mungkar) dan transendensi (keimanan kepada Allah) sebagai tunjangnya. Gagasan Sastera Profetik memilih pendekatan strukturalisme bagi membolehkan penerapan ajaran sosial yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah dimanfaatkan untuk konteks sosial zaman kini. Selain itu, gagasan Sastera Profetik juga amat menitikberatkan tiga kaedahnya iaitu, 'epistimologi strukturalisme transendental', konsep sastera sebagai ibadah, dan keterkaitan antara *habl min Allah* dan *habl min al-Nās* yang akan menjadi 'tali pengikat' Etika Profetik. Sekiranya ketiga-tiga Etika Profetik ditemui terkandung dalam sesebuah karya, maka karya tersebut dianggap *kaffah* yang membawa maksud menyeluruh atau memiliki keutuhan. Selanjutnya, kajian ini bertujuan mengenal pasti kehadiran Etika Profetik, menganalisis Etika Profetik, dan seterusnya merumuskan kesepaduan Etika Profetik yang membawa kepada tercapainya tahap *kaffah* dalam novel-novel terpilih Najīb al-Kīlānī. Dapatan analisis kajian ini mendapati novel-novel terpilih yang dianalisis memiliki ketiga-tiga Etika Profetik sekali gus mencapai tahap *kaffah*. Meskipun etika liberasi jelas lebih dominan berbanding etika-etika lain dalam novel-novel terpilih, namun ketidakseimbangan itu tidak menjadi ambiguiti kepada penobatan sesebuah karya Sastera Profetik. Selanjutnya, kajian ini juga membuktikan bahawa gagasan Sastera Profetik merupakan gagasan sastera Islam yang bersifat *al-'Ālamiyyah* (sejagat) memandangkan novel-novel terpilih Najīb al-Kīlānī yang diiktiraf sebagai pelopor sastera Islam di peringkat global itu turut memiliki kriteria-kriteria yang digariskan oleh Kuntowijoyo.

© COPYRIGHT UPM

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the Doctor of Philosophy

PROPHETIC ETHICS IN NAJĪB AL-KĪLĀNĪ'S NOVEL

By

MOHAMAD YAZID ABDUL MAJID

November 2017

Chair : Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This is a study in the field of Modern Arabic literature that focuses on novels written by famous Egyptian-born author Najīb al-Kīlānī. Apart from his status as an 'international Islamic literary writer', he is also regarded as the pioneer of *al-Adab al-Islāmiy* or 'Islamic literature' in the Arab world, hence this study sees justification in conducting research on his novels which are regarded as credible models for the creation of masterpieces of Islamic literature in the Arab world and in the Malay Archipelago. For the purpose of reviewing the novels, the concept of 'Islamic literature' proposed by Kuntowijoyo is used as the analysis framework. Prophetic Literature is an idea derived from verse 110 Surah Āli 'Imrān that outlines three Prophetic Ethics, namely humanisation (*amar makruf*), liberation (*nahi mungkar*) and transcendence (belief in Allah) as the backbone. The concept of Prophetic Literature adopt the structuralism approach so as to enable the integration of social teachings of the Qur'an and al-Sunnah in the present-day social context. In addition, Prophetic Literature concept also emphasise on the three methods of 'transcendental structuralism epistimology', the concept of literature as worship, and the interrelation between *habl min Allah* and *habl min al-Nās* as the 'fasteners' of Prophetic Ethics. The masterpiece is said to have attained *kaffah* which means wholesomeness or total adherence when all three Prophetic Ethics are contained in it. This study is also aimed at identifying the presence of Prophetic Ethics, analyzing Prophetic Ethics, and to further summarise the integration of Prophetic Ethics that leads to the attainment of *kaffah* in the selected novels by Najīb al-Kīlānī. The analysis of the study show that the selected novels studied contain all three Prophetic Ethics, thus attaining the level of *kaffah*. Although the ethics of liberation are more dominant compared to the other ethics in the selected novels, this imbalance is not ambiguous to the proclamation of a Prophetic Literature masterpiece. Further, this study also proves that the concept of Prophetic Literature is indeed Islamic literature concept that are *al-'Ālamiyyah* (universal) in view of the esteemed novels by Najīb al-Kīlānī which are recognized as the pioneer of Islamic literature worldwide thus meeting the criteria outlined by Kuntowijoyo.

© COPYRIGHT UPM

PENGHARGAAN

Bismillah. Alhamdulillah. Assolātu wassalam 'ala Rasūlillah. Setinggi-tinggi tahmid dan kesyukuran dirafa'kan kepada Rabbul Jalil yang memberi rahmat dan inayah-Nya kepada pengkaji agar dapat menyelesaikan kajian ini.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang diterajui oleh Dr. Pabiyah Hajimaming @ Toklubok, dibantu oleh Dr. Muhd Zulkifli Ismail, dan Dr. Mohd Faizal Musa (ATMA, UKM) yang telah banyak berkongsi ilmu, pandangan, masa dan tenaga kalian sepanjang pengkaji menyempurnakan tesis. Jutaan terima kasih buat barisan tenaga pengajar yang dihormati dan dedikasi terutamanya Almarhum Dr. Muhammad Fauzi Jumingan, Dr. Ahmad Mahmood Musanif dan Dr. Lim Swie Tin yang banyak mencurahkan ilmu, berkongsi idea dan memberikan panduan bernilai sepanjang pengkaji mengikuti pengajian. Tidak dilupakan kepada para pensyarah Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi yang sering berkongsi idea, buku dan ilmu mereka dengan pengkaji seperti Dr. Mohd Zariat Abdul Rani dan Dr. Kamariah Kamarudin.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan KPM yang telah membiayai pengajian dengan menganugerahi Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) sekali gus meluluskan cuti belajar bergaji penuh selama tiga tahun kepada pengkaji. Selain itu, pengkaji sangat menghargai dan berterima kasih terhadap kerjasama profesional, bantuan, dan budi bicara bermakna yang diberikan para staf terutamanya di Bahagian Tajaan Pendidikan KPM, Bahagian Siswazah dan Pengantarabangsaan FBMK UPM, Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM, Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM, Perpustakaan Utama UM, dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Tidak dilupakan dua perpustakaan di negara seberang iaitu, Perpustakaan Universiti Gadjah Mada dan Perpustakaan UIN Sunan Kalijaga di Yogyakarta.

Tidak pernah dilupakan di ujana hati, ucapan terima kasih buat Dr. Shamsudin Othman, Dr. Azhar Sabil, Dr. Khazri Osman FPI UKM, Dr. Anwar Ahmad UIAM, Dr. Adi Amzar Nawawi, Sdr Saifullizan Yahaya DBP, Sdr Ridzuan Harun, Sdr Zahiruddin Zabidi dan Sdr Amiza Khusyri Yusof yang sering meniupkan semangat dan membantu pengkaji mendapatkan bahan rujukan berharga. Sekalung penghargaan juga buat teman-teman di SMKA Segamat dan IPG Kampus Pendidikan Teknik, Bandar Enstek yang sering memahami dan sentiasa memberi sokongan moral.

Akhirnya, ucapan terima kasih yang paling bermakna buat keluarga tercinta terutama sekali ibu sejati, Hajah Khadijah Mat Arif yang sentiasa mendoakan; dan isteri tersayang, Andik Siti Hadijah Abdul Salam yang begitu banyak berkorban sepanjang pengkaji menyambung pengajian. Begitu juga buat *qurratu a'yun* walid – Nailofar, Muhammad Irfan, Amal Hayati, Nuha Naylah, dan Muhammad Naufal Ridha – yang banyak kehilangan masa bersama. Dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat membantu secara langsung mahupun tidak langsung. Mudah-mudahan Allah jualah yang akan membalasnya. *Jazākumullah khayral jaza'*.

MOHAMAD YAZID ABDUL MAJID
22 Oktober 2018 - Bandar Baru Bangi

© COPYRIGHT UPM

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 1 November 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohamad Yazid bin Abdul Majid bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Etika Profetik dalam Novel Najīb al-Kīlānī" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Abd Rauf bin Hassan, PhD
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Azidan bin Abdul Jabar, PhD
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohamad Bohari bin Ahmad @ Muhammad Bukhari Lubis, PhD
Profesor
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

Rosni bin Samah, PhD
Profesor Madya
Universiti Sains Islam Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

NOR AINI AB. SHUKOR, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 29 Januari 2018

© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Muhd Zulkifli Ismail, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Mohd Faizal Musa, PhD
Fellow Penyelidik
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia.

Tarikh:

© COPYRIGHT UPM

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan, dan ilustri telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan
- ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan:_____ Tarikh:_____

Nama dan No. Matrik: Mohamad Yazid Abdul Majid - GS28978

© COPYRIGHT UPM

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:	_____	Tandatangan:	_____
Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan	Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD	Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan	Muhd Zulkifli Ismail, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Mohd. Faizal Musa, PhD

© COPYRIGHT UPM

ISI KANDUNGAN

		Halaman
ABSTRAK		i
ABSTRACT		ii
PENGHARGAAN		iii
PENGESAHAN		iv
PERAKUAN		vi
ISI KANDUNGAN		viii
SENARAI GAMBAR RAJAH		x
PEDOMAN TRANSLITERASI		xi
BAB		
1	**PENDAHULUAN**	**1**
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Permasalahan Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Kepentingan Kajian	11
1.6	Batasan Kajian	12
1.7	Metodologi dan Kaedah Kajian	14
	1.7.1 Kaedah Kajian Kepustakaan	14
	1.7.2 Kaedah Analisis Kandungan	14
1.8	Latar Belakang Najīb al-Kīlānī	15
1.9	Organisasi Kajian	16
1.10	Kesimpulan	17
2	**SOROTAN LITERATUR**	**18**
2.1	Pengenalan	18
2.2	Kajian Berkaitan Najīb al-Kīlānī	18
2.3	Kajian Berkaitan Gagasan Sastera Profetik	22
2.4	Kesimpulan	26
3	**METODOLOGI**	**28**
3.1	Pengenalan	28
3.2	Latar Belakang Gagasan Sastera Profetik	28
3.3	Kaedah Sastera Profetik	33
	3.3.1 Epistemologi Strukturalisme Transendental	33
	3.3.2 Sastera sebagai Ibadah	36
	3.3.3 Keterkaitan antara Kesedaran	37
3.4	Etika Profetik	38
	3.4.1 Humanisasi (*Amar Makruf*)	41
	3.4.2 Liberasi (*Nahi Mungkar*)	43
	3.4.3 Transendensi (*Al-Imān billah)*	47
3.5	Konsep *Kaffah*	53
3.6	Kerangka Analisis	54
3.7	Kesimpulan	58

© COPYRIGHT UPM

4 ANALISIS **59**
4.1 Pengenalan 59
4.2 Humanisasi dalam Novel Najīb al-Kīlānī 59
4.2.1 Amar Makruf 60
4.2.2 Gejala Dehumanisasi 73
4.3 Liberasi dalam Novel Najīb al-Kīlānī 84
4.3.1 Nahi Mungkar 85
4.3.2 Cabaran Internal 88
4.3.2.1 Penindasan politik 88
4.3.2.2 Penindasan pemerintah ke atas rakyat 93
4.3.2.3 Ketidakadilan gender 97
4.3.2.4 Ketidakadilan ekonomi dalam negara 100
4.3.3 Cabaran Eksternal 102
4.3.3.1 Pembebasan daripada pencerobohan imperialis 102
4.3.3.2 Pembebasan daripada eksploitasi ekonomi kapitalis 110
4.3.3.3 Pembebasan Palestin daripada rejim Yahudi Zionis 112
4.4 Transendensi dalam Novel Najīb al-Kīlānī 115
4.4.1 Akidah 115
4.4.2 Tasawuf 122
4.4.2.1 Redha dan Tawakal 122
4.4.2.2 Sabar 125
4.4.2.3 Syukur 129
4.5 Konsep *Kaffah* dalam Novel Najīb al-Kīlānī 131
4.6 Kesimpulan 137

5 RUMUSAN DAN CADANGAN **138**
5.1 Pengenalan 138
5.2 Rumusan Kajian 138
5.3 Cadangan 143
5.4 Kesimpulan 144

BIBLIOGRAFI 145
LAMPIRAN 159
BIODATA PELAJAR 172
SENARAI PENERBITAN 173

© COPYRIGHT UPM

SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Binaan Struktur Dalaman Islam Menurut Kuntowijoyo	35
3.2	Etika Profetik	40
3.3	Kerangka Analisis Gagasan Sastera Profetik	57
4.1	Jadual Skor Etika Profetik dalam Novel-novel Najīb al-Kīlānī	135
4.2	Dominasi Etika Profetik dalam Novel-novel Najīb al-Kīlānī	137

© COPYRIGHT UPM

PEDOMAN TRANSLITERASI

Transliterasi huruf-huruf Arab ke huruf-huruf Rumi ini berdasarkan *Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi Edisi Kedua*, Dewan Bahasa dan Pustaka (2008).

Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	’
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه	h
ء	’
ي	y
ة	ah*

*Ditransliterasikan sebagai ‘at’ dalam konteks gabungan dua perkataan

© COPYRIGHT UPM

Vokal

Pendek		Panjang		Diftong	
ا	a	ا	ā	أي	ay
و	i	و	ī	أو	aw
ي	u	ي	ū		

© COPYRIGHT UPM

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam kesusasteraan Arab, novel merupakan satu daripada genre prosa yang dikaitkan dengan kesusasteraan Barat (Maqdisi,1981:369-371). Menurut Osman Haji Khalid (1997:502), para pengkritik kesusasteraan Arab bersepakat mengatakan bahawa novel dan cerpen tidak wujud dalam kesusasteraan Arab klasik, kerana kesusasteraan pada zaman tersebut hanya berkisar pada genre *shi'ir* (puisi), *khutbah* (pidato) dan *risālah* (penulisan atau perutusan). Hujah tersebut diperkukuh oleh pendapat Taha Wadi (1997:17) yang berkeyakinan bahawa kebanyakan pengkritik sastera Arab berpendapat bahawa novel merupakan genre baharu yang berkembang dalam sastera Arab kesan daripada pengaruh hubungannya dengan Eropah.

Salah seorang novelis Arab generasi kedua, 'Abd al-Rahmān Munīf turut menyokong pendapat tersebut sebagaimana yang terkandung dalam kenyataan berikut:

> Novel Arab tidak memiliki warisan tradisi apa pun. Dengan demikian, novelis-novelis Arab Moden harus mencari bentuk-bentuk ekspresinya sendiri, tanpa bantuan sesiapa dan apa pun juga. Oleh sebab itu, tidak dapat dinafikan bahawa ia akan melakukan banyak kesalahan dan memperlihatkan banyak kekurangan.
>
> (1979:193)

Ghunaimi Hilal (1964:531) pula tidak menafikan bahawa masyarakat Arab telah mengenali cerita atau hikayat yang banyak menceritakan sejarah perjuangan datuk nenek mereka, namun cerita dan hikayat ini tidak dapat dikategorikan sebagai karya sastera kerana beberapa perkara pokok yang harus ada pada novel atau cerpen – sebagaimana yang difahami di Barat - tidak terdapat dalam cerita dan hikayat tersebut.

Kesusasteraan Arab mula mengenali genre *qiṣṣah* (kisah) apabila munculnya agama Islam di Tanah Arab dan tersebarnya Islam ke beberapa buah negara asing. Setelah berlakunya pertembungan antara orang Islam (Arab) dengan bangsa asing, khususnya Parsi, India, dan Yunani, berlakulah proses 'pertembungan budaya' yang tidak pernah berlaku sebelumnya. Orang-orang Arab yang mula terdedah dengan tamadun dan kesusasteraan asing, meminjam kisah-kisah yang wujud dalam bangsa tersebut lalu memindahkannya dengan cara menterjemahkannya ke bahasa Arab. Antara kisah yang diterjemahkan ialah *Alf Laylah wa Laylah* (Seribu Satu Malam) dan *Kalīlah wa Dimnah* (Othman Haji Khalid,1997:503). Kedua-duanya dikatakan berasal dari kesusasteraan Parsi, namun ada pendapat yang mengatakan ia berasal dari India. Ironisnya, kisah *Alf Laylah wa Laylah* yang diterjemahkan sekitar pertengahan abad

© COPYRIGHT UPM

kesepuluh Masihi itu dianggap oleh Barat sebagai karya sastera Arab paling popular sehingga kemudiannya diterjemahkan pula ke bahasa-bahasa Eropah.

Perlulah disebutkan di sini, bahawa pendapat-pendapat yang telah disebutkan sebelumnya berkaitan permulaan genre *qiṣṣah* dalam kesusasteraan Arab itu bagaimanapun ditolak oleh sejumlah sarjana Islam yang berpandangan bahawa genre penceritaan tersebut sudah dikenali oleh masyarakat Arab lebih awal iaitu apabila turunnya al-Qur'an pada awal kurun ketujuh Masihi lagi. Mereka berpendapat, para orientalis seperti R.A. Nicholson, Roger Allen dan Pierre Cachia sengaja membataskan ruang lingkup kesusasteraan Arab pada konteks kegiatan puisi sahaja dan menimbulkan tanggapan bahawa genre *qiṣṣah* tidak dianggap original atau lahir dalam kesusasteraan Islam (Zulkarnain Mohamed,2002:39). Pendapat sedemikian memang ada kewajarannya. Namun begitu, kajian ini akan menggunakan definisi novel sebagai sebuah genre sastera sebagaimana yang difahami dalam kesusasteraan dunia kontemporari.

Selanjutnya, setelah berpeluang meninjau kesusasteraan asing, orang Arab mula menggarap genre *qiṣṣah* mereka sendiri dalam kesusasteraan Arab. Sejak itu muncullah beberapa karya penting seperti *Al-Maqāmaṯ* oleh Badī' al-Zaman al-Hamadani, *Risālat al-Ghufrān* oleh Abu al-'Alā' al-Ma'arri, dan kisah *Ḥayy bin Yaqẓān*. Meskipun ada pengkritik sastera Arab beranggapan bahawa *Ḥayy bin Yaqẓān* yang ditulis oleh Ibn Tufayl sekitar kurun ke-11 Masihi sebagai novel Arab pertama, namun pendapat ini ditolak oleh sasterawan dan pengkaji kesusasteraan Arab seperti Yahya Haqqi. Sebaliknya, Yahya Haqqi yang menulis dalam bukunya *Fajr ar-Riwāyah al-Miṣriyyah* berpendapat, novel *Zaynab* yang ditulis oleh Muhammad Ḥusayn Haykal (1888-1956) adalah novel asli sulung yang muncul dalam kesusasteraan Arab moden. Ia dikarang antara April 1910 hingga Mac 1911 ketika pengarangnya melanjutkan pengajiannya dalam bidang sains politik di Paris (1964: 40). Pendapat itu diakui oleh pengkritik dari Barat seperti John H. McGlynn yang memperakukan *Zaynab* sebagai novel Arab moden pertama kerana kecenderungan unsur realismenya (1998:100). Karya ini juga dianggap 'novel' Arab moden yang terawal kerana ia melengkapi beberapa ciri penting yang wujud dalam novel sebagaimana yang disepakati dalam kesusasteraan Barat seperti watak, sudut pandangan, latar, plot serta dialog.

Dengan lahirnya *Zaynab* yang diterbitkan pada 1913 di Mesir, justeru bermulalah fenomena genre novel dalam kesusasteraan Arab moden. Selepas Muhammad Husayn Haykal, ramai lagi penulis yang mulai menghasilkan novel masing-masing. Antaranya, 'Isa 'Abid yang muncul dengan novelnya berjudul *Thurayya* (Bintang Ketujuh) pada tahun 1922, Mahmud Teymour dengan *Rejab Afandi* pada 1928 dan *al-Aṭlāl* (Nostalgia) pada 1932, Ṭāḥā Husayn dengan *al-Ayyam* (Hari-hari) pada 1929 dan *Adīb* (Sasterawan) pada 1935, Ibrāhim al-Mazni dengan *al-Kātib* (Pengarang) pada 1931, serta Tawfiq al-Ḥakīm dengan *'Awdat ar-Ruh* (Kepulangan Roh) pada 1933 dan '*Usfūr min al-Sharq* (Burung Pipit dari Timur) pada 1938.

Generasi awal yang menjadi perintis kepada fenomena novel Arab itu kemudiannya diikuti oleh generasi sasterawan Arab yang terkemudian seperti Najib Mahfouz (1912-

© COPYRIGHT UPM

2007), Ali Ahmad Bakthīr, Yahya Haqqi, Yusuf al-Siba'ī, Abdul Rahman al-Syarqāwi, Ṭāreq Ali, Abdul Rahman Munīf, Najīb al-Kīlāni dan ramai lagi. Para novelis yang muncul kemudiannya bukan sahaja berasal dari Mesir, tetapi juga dari seluruh negara Arab seperti Palestin, Lubnan, Jordan, Iraq, Arab Saudi, Algeria, Libya dan Syria.

Perkembangan kesusasteraan Arab Moden yang mengetengahkan genre 'baharu' yang diambil dari kesusasteraan Barat itu dikatakan mencapai kemuncaknya apabila novelis kelahiran Mesir, Najib Mahfouz (1912-2009) dinobatkan sebagai penerima Hadiah Nobel bagi bidang kesusasteraan pada tahun 1988. Najib terkenal dengan novel-novelnya seperti *Awlād Hāratinā* (Anak-anak Lorong Kami), *Bidāyah wa Nihāyah* (Bermula dan Berakhir), *Zuqāq al-Midāq* (Lorong Midaq) dan *Al-Liṣṣ wa al-Kilāb* (Pencuri dan Anjing-anjing) yang diterjemahkan ke pelbagai bahasa dunia.

Selain Najib Mahfouz, Ṭāḥā Husayn, Fathī Ghānim, Yahya Haqqi, Tawfiq al-Hakīm dan beberapa lagi pengarang lain, Mesir turut melahirkan seorang novelis penting yang menjadi pelopor kepada fenomena *al-Adab al-Islami*, iaitu Najīb al-Kīlānī.

Kehadiran Najīb al-Kīlānī dalam kesusasteraan Arab Moden tidak dapat dinafikan lagi memandangkan pengiktirafan yang diberikan kepadanya oleh Rābiṭah al-Adab al-Islāmiy al-'Ālamiyyah (Pertubuhan Sastera Islam Sedunia). Beliau turut mendapat pengiktirafan tertinggi daripada Kerajaan Pakistan yang menganugerahkannya Hadiah Pingat Emas Muhammad Iqbal atas sumbangan besarnya kepada sastera Islam. Al-Kīlānī juga ternyata sama sekali berbeza dengan para pengarang Arab segenerasinya. Sekiranya Najib Mahfouz dan barisan pengarang generasinya yang kebanyakannya berpendidikan Barat terpengaruh secara langsung dengan sastera Barat; sebaliknya Najīb al-Kīlānī yang mendapat pendidikan tinggi di Mesir pula cuba mengetengahkan gagasan *al-Adab al-Islami* atau Sastera Islam di samping menghasilkan karya-karya yang bernafas Islam, khususnya dalam genre novel dan cerpen.

1.2 Latar Belakang Kajian

Amat perlu dinyatakan di sini, bahawa kajian ini merupakan kajian dalam bidang kesusasteraan Arab Moden yang menjurus kepada novel-novel Najīb al-Kīlānī. Ia bertitik tolak daripada dakwaan bahawa Najīb al-Kīlānī adalah model pengarang sastera Islam. Dakwaan tersebut dikukuhkan oleh kenyataan Najīb Mahfouz (1989) yang mengiktiraf sumbangan Najīb al-Kīlānī dengan mengatakan bahawa al-Kīlānī adalah pelopor sastera Islam ketika itu. Perakuan tersebut sangat signifikan dan wajar diberikan perhatian memandangkan status dan kedudukan Najīb Mahfouz selaku satu-satunya pengarang Arab yang dianugerahkan Hadiah Nobel (Kesusasteraan) pada tahun 1988. Mahfouz juga adalah pengarang generasi yang sezaman dengan Najīb al-Kīlānī.

Sanjungan yang cukup bermakna daripada seorang pengarang bertaraf dunia itu disokong oleh Sayid Abu Hasan Ali al-Nadwi selaku pengasas pertubuhan Rābiṭat al-Adab al-Islāmiy al-'Ālamiyyah (Pertubuhan Sastera Islam Sedunia). Dalam kolum

© COPYRIGHT UPM

editorialnya di majalah *Al-Adab al-Islāmiy* keluaran kesembilan dan kesepuluh pada 1996 (1416H) yang memfokuskan secara khusus tentang al-Kīlānī dan karya-karyanya, beliau bukan sahaja memperakukan Najīb al-Kīlānī sebagai pelopor sastera Islam, bahkan menganggapnya lebih istimewa berbanding sasterawan lain. Menurut al-Nadwi:

> Najīb al-Kīlānī ternyata berbeza dengan para sasterawan lain. Beliau bukan sekadar melukiskan realiti kehidupan dan segala permasalahannya, tetapi juga merawat dan memberi penyelesaian kepada isu-isu kehidupan … al-Kīlānī merupakan sasterawan Mesir sekaligus sasterawan masyarakat Arab yang telah memperoleh pengiktirafan secara rasmi di atas sumbangannya. Namun begitu, perjalanannya dalam sastera Islam telah meletakkannya sebagai sasterawan bertaraf antarabangsa.
>
> (al-Nadwi, 1996: 3)

Malahan sebelum itu, Rābiṭat al-Adab al-Islāmiy al-'Ālamiyyah turut mengadakan sebuah temasya khas bagi mengiktiraf al-Kīlānī sebagai 'pelopor sastera Islam'. Temasya tersebut berlangsung pada 17 hingga 20 Januari 1994 di Kaherah. Selain itu, sumbangan Najīb al-Kīlānī juga mendapat pengiktirafan dari luar mandala Arab seperti Hadiah Pingat Emas Muhammad Iqbal yang diterimanya daripada kerajaan Pakistan pada 1978.

Beberapa pengkritik sastera terkemuka di dunia Arab turut memperakui 'keberadaan' atau 'kedudukan' Najīb al-Kīlānī sebagai pengarang Islam moden yang penting. Antaranya, Hilmi Muhammad al-Qā'ūd, pengkritik sastera Islam yang sangat prolifik mengkaji karya-karya Najīb al-Kīlānī menegaskan bahawa al-Kīlānī lebih tersendiri berbanding sasterawan Arab lain malah setakah lebih tinggi daripada Najib Mahfouz dan Abdul Hamid Jaudat al-Sahar jika dinilai dari segi kuantiti karyanya. Manakala Hamid Abu Ahmad (1996:15-17) pula menyatakan al-Kīlānī sangat berbeza jika dibandingkan dengan pengarang segenerasinya dari aspek kreativiti. Karya-karya al-Kīlānī dilihat melangkaui zaman dan lokasi menerusi novel sejarahnya seperti *Mawākib al-Ahrār* (Segugus Kebebasan), novel realismenya seperti *Al-Rabī' al-'Āsif* (Hembusan Musim Luruh), mahupun novel pan-Islaminya seperti *'Azrā' Jākartā* (Gadis Jakarta). Pandangan itu dikukuhkan pula oleh Mahmud Khalil yang beranggapan karya-karya Najīb al-Kīlānī melewati sempadan bangsa dan negaranya sekaligus mengangkat isu-isu umat Islam sejagat seperti yang terkandung dalam novel *Layālī Turkistān* (Malam-malam Turkistan), *'Amāliqah as-Syamāl* (Gergasi Utara) dan *Al-Ẓill al-Aswad* (Bayang-bayang Hitam).

Menurut Hasan Bariyghish (1998:160), salah seorang pengkritik sastera Islam ketika mengupas novel *Umar Yaẓhar fi al-Quds* (Umar Muncul di Baitul Maqdis), Najīb al-Kīlānī telah merintis jalan awal dan memberikan model yang terbaik dalam membawa 'naratif Islam' agar maju ke hadapan. Sementara Muhammad Ali al-Badawi pula menyatakan, tanpa sebarang keraguan bahawa al-Kīlānī adalah 'gergasi' sekaligus perintis dan cermin kepada naratif Islam (2003). Di samping itu, sebahagian daripada

© COPYRIGHT UPM

novel Najīb al-Kīlānī ditanggapi oleh Abdullah Ṣaliḥ al-'Ariyniy, seorang pengkritik kesusasteraan Arab Moden sebagai model *al-Riwāyaṯ al-Islamiyyaṯ* (novel Islam).

Selain menghasilkan karya kreatif seperti novel, cerpen, puisi dan drama pentas, al-Kīlānī juga aktif menulis kritikan, biografi, terjemahan, di samping menyumbang esei-esei pemikiran Islam, sosial dan kesihatan. Novel-novel al-Kīlānī menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat nasional mahupun antarabangsa, malahan ada yang terpilih menjadi teks untuk kegunaan para pelajar di sekolah-sekolah menengah di Mesir. Sebahagian besar novelnya juga telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa seperti bahasa Turki, Inggeris, Perancis, Russia, Urdu, Parsi, China, Itali, Sweden, dan Indonesia (Pabiyah, 2007:33). Sepanjang pemerhatian kajian, terdapat lebih daripada sepuluh buah novel al-Kilani yang diterjemahkan ke bahasa Indonesia, antaranya *'Azrā' Jākartā, al-Yawm al-Maw'ūd, al-Nidā' al-Khālid, Rihlah ila Allah, Layl wa Qaḍbān,* dan *Layālī Turkistān.*

Meskipun sumbangan besar al-Kīlānī terhadap 'naratif Islam' lebih kerap disorot berdasarkan karya-karyanya terutama novel, namun beliau juga merupakan tokoh yang signifikan dalam membicarakan gagasan *al-Adab al-Islami* atau sastera Islam. Al-Kīlānī adalah antara tokoh yang terawal membahaskan gagasan tersebut selepas idea-idea awalnya dilontarkan oleh Muhammad Iqbal dan diperbahaskan lagi oleh Sayid Abu Hasan Ali al-Nadwi, Sayyid Qutb, dan Muhammad Qutb. Pemikiran al-Kīlānī berkaitan sastera Islam terkandung dalam buku-bukunya seperti *Al-Islamiyyaṯ wa al-Madhāhib al-Adabiyyah* (Islam dan Mazhab-mazhab Sastera) yang diterbitkan pada 1963, *Āfāq al-Adab al-Islamiy* (Dimensi-dimensi Sastera Islam) pada 1985, dan *Madkhal ila al-Adab al-Islāmi* (Pengantar Sastera Islam) pada 1987. Pengalamannya dalam menggarap karya sastera Islam juga dikongsikannya dalam buku *Rihlatī ma'a al-Adab al-Islāmi* (Perjalananku bersama Sastera Islam) pada 1985 dan *Tajribati al-Dhatiyaṯ fi al-Qissaṯ al-Islamiyyaṯ* (Pengalaman Peribadiku dalam Naratif Islam) pada 1991. (Sila rujuk 1.8 Latar Belakang Najīb al-Kīlānī untuk penjelasan lanjut).

Amat penting dinyatakan di sini bahawa selain gagasan al-Kīlānī, terdapat beberapa gagasan sastera Islam atau *al-Adab al-Islamiy* yang dilontarkan oleh pengkaji-pengkaji sastera Arab. Antaranya, seperti Muhammad Qutb, Sayyid Abu Hasan Ali al-Nadwi, 'Abd al-Rahmān Raf'at al-Bāsha, Sa'ad Abu al-Riḍa, 'Imād al-Din Khalīl, Muhammad Ḥasan Bariyghish, 'Abd al-Hamīd Buzwinah, dan Naṣr ad-Din Ibrāhim. Jika diteliti takrifan dan prinsip sastera Islam yang dinyatakan oleh beberapa tokoh tersebut, pasti dapat ditemui persamaan yang agak ketara. Menurut Adli Yaakob dan Rahmah Osman (2009: 240), perbezaan mereka hanyalah dari sudut istilah dan ungkapan sahaja.

Sementara di luar rantau Arab, khususnya di Nusantara, juga berlaku fenomena sastera Islam dalam dunia kesusasteraannya. Di Malaysia sebagai contoh, sejak tercetusnya fenomena sastera Islam yang bermula pada akhir dekad 1970-an setelah Shahnon Ahmad menulis artikel pendeknya dalam *Dewan Bahasa* keluaran Julai 1977, bertajuk "Sastera Islam", perbahasan hangat dan wacana sastera Islam akhirnya mendapat perhatian secara meluas dalam kesusasteraan Melayu. Pelbagai tokoh dan pengkritik sastera tampil memberikan definisi dan prinsip gagasan masing-masing berkenaan

© COPYRIGHT UPM

sastera Islam. Fenomena tersebut turut merangsang pertumbuhan gagasan dan teori sastera Islam – sebagaimana di rantau Arab – rentetan dari polemiknya yang masih berterusan. Antara gagasan sastera Islam yang diutarakan oleh sarjana Malaysia seperti gagasan Sastera Islam oleh Shahnon Ahmad sendiri, Teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar, Teori Sastera Taabudiyah oleh Abdul Rahman Napiah, Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang, Teori SPB4L oleh Mohd Yusof Hassan. Sementara Gagasan Persuratan Baru meskipun tidak digolongkan oleh pencetusnya, Mohd Affandi Hassan sebagai sastera Islam tetapi turut memiliki semangat sastera Islam.

Fenomena sastera Islam turut berlaku di Indonesia yang antara lainnya turut melahirkan beberapa gagasan sastera Islam seperti gagasan Sastera Transendental (kemudiannya dikenali sebagai Sastera Profetik) oleh Kuntowijoyo, Sastera Sufi atau Sastera Tasawuf oleh Abdul Hadi W.M., Sastera Pencerahan oleh Danarto, dan Sastera Terlibat Luar Dalam oleh M. Fudoli Zaini. Daripada beberapa gagasan yang wujud di Indonesia itu, Sastera Profetik adalah gagasan paling awal diutarakan berbanding yang lain dan dikemukakan Kuntowijoyo menerusi tulisan pendeknya berjudul "Saya Kira Kita Memerlukan Juga Sebuah Sastra Transendental" dalam program Temu Sastra di Taman Ismail Marzuki pada 6-8 Disember 1982 (Kuntowijoyo, 1982: 4). Pada awalnya, ia dinamakan 'Sastera Transendental', namun istilah itu mengalami transformasi dan akhirnya 'dimuktamadkan' penggunaannya oleh Kuntowijoyo dalam buku terakhirnya, *Maklumat Sastra Profetik* yang terbit pada tahun 2006.

Sebelum perbincangan diteruskan, penting untuk dinyatakan bahawa cetusan awal idea gagasan Sastera Profetik berpunca dari ungkapan penyair Pakistan, Muhammad Iqbal dalam bukunya yang diterjemahkan ke bahasa Indonesia dengan judul, *Membangun Kembali Pikiran Agama dalam Islam*. Dalam buku tersebut, Iqbal telah memetik kata-kata seorang sufi yang mengagumi Nabi Muhammad SAW dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj (2006:8). Meskipun Nabi telah sampai ke makam yang tertinggi ketika berlakunya mi'raj, namun baginda kembali ke dunia demi melaksanakan tugas-tugas kerasulannya (2004:15). Oleh yang demikian, gagasan ini dinamakan Sastera Profetik lantaran perkataan 'profetik' atau dalam bahasa Inggeris disebut '*prophet*' itu bermaksud nabi. Justeru, Sastera Profetik merupakan satu pendekatan yang ingin meniru perbuatan Nabi (2006:8) dalam melaksanakan tanggungjawabnya iaitu menyampaikan wahyu daripada Allah kepada manusia.

Di samping itu, Sastera Profetik juga, menurut Kuntowijoyo, bertitik tolak daripada ayat 110 Surah Ali 'Imran sebagaimana yang bermaksud:

> *Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk (faedah) manusia, menyuruh kepada yang makruf, dan mencegah kemungkaran, dan beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).*

Dalam ayat tersebut, Kuntowijoyo menemukan tiga perkara yang menjadi intipati utamanya, iaitu:

© COPYRIGHT UPM

i. *amar makruf* yang bermaksud menyuruh kepada kebaikan (Kuntowijoyo menyebutnya dengan istilah *humanisasi*),
ii. *nahi mungkar* yang bermaksud mencegah kemungkaran (Kuntowijoyo menyebutnya dengan istilah *liberasi*),
iii. *al-Iman billah* yang bermaksud beriman kepada Allah. (Kuntowijoyo menyebutnya dengan istilah *transendensi*).

Sebagai satu gagasan, Sastera Profetik dapat dimanfaatkan sebagai kerangka analisis. Dengan menawarkan tiga Etika Profetik sebagai prinsip utamanya, Sastera Profetik memberi panduan kepada apa yang harus dicari dalam teks kajian. Menurut gagasan ini, secara praktikalnya, sesebuah karya itu dianggap mencapai tahap *kaffah* (menyeluruh dan utuh) sekiranya memiliki ketiga-tiga Etika Profetik.

1.3 Permasalahan Kajian

Seperti yang telah dimaklumkan lebih awal, Najīb al-Kīlānī menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat global dan memiliki merit yang tinggi dalam perkembangan sastera Islam di rantau Arab. Bertepatan dengan statusnya sebagai 'sasterawan Islam bertaraf antarabangsa' – sepertimana yang diperakukan oleh al-Nadwi (1996:3), malah banyak menghasilkan karya yang melewati sempadan budaya dan negara, serta mempelopori gagasan Sastera Islam, adalah wajar karya pengarang kelahiran Mesir ini diteliti dengan lebih terperinci. Dengan kata lain, karya-karyanya mempunyai kredibiliti untuk menjadi 'model' karya sastera Islam waima di rantau Arab mahupun di rantau Nusantara.

Penyataan di atas mencetuskan persoalan, apakah karya Najīb al-Kīlānī benar-benar layak menjadi contoh atau model karya sastera Islam? Persoalan tersebut hanya akan terjawab sekiranya dilaksanakan kajian mendalam terhadap karya al-Kīlānī dengan mengaplikasikan teori atau gagasan sastera Islam sebagai kerangka analisisnya. Pengaplikasian teori atau gagasan sastera Islam itu penting kerana sesebuah karya sastera Islam yang hendak dijadikan model harus diteliti menurut kaca mata Islam.

Berdasarkan pengamatan kajian (rujuk Bab 2 yang memuatkan sorotan literatur), sudah terdapat kajian analisis yang dilakukan oleh pengkaji tempatan terhadap novel-novel Najīb al-Kīlānī dengan mengaplikasikan teori atau gagasan sastera Islam. Antaranya, kajian Pabiyah Hajimaming @ Toklubok (2007) bertajuk "*Riwāyāh Najīb al-Kīlānī wa Shahnon Ahmad al-Islamiyyah bayna al-Naẓariyyah wa al-Taṭbīq: Dirāsah Naqdiah Muqāranah"* (Novel-novel Islam Najīb al-Kīlānī dan Shahnon Ahmad: Satu Kajian Perbandingan antara Teori dan Praktis) dan kajian oleh Mohd Shahrizal Nasir (2010) bertajuk "*Mesej Benar dan Jelas sebagai Asas Sastera Islam: Analisis Novel Rihlah ila Allah Karya Najib al-Kīlānī*". Kedua-dua kajian ini menganalisis novel-novel al-Kīlānī dengan menggunakan gagasan sastera Islam yang digariskannya sendiri.

© COPYRIGHT UPM

Selain itu, Hasan Bariyghish (1998:208), berpandangan bahawa novel Najīb al-Kīlānī seperti *'Umar yaẓhar fī al-Quds*, '*Azrā' Jākartā*, dan *Layālī Turkistān* mengemukakan naratif yang mantap serta menyerlahkan tasawwur Islam yang jelas dan segar yang harus diperhatikan oleh para pengkaji sastera Islam. Manakala Abdullah Ṣaliḥ al-'Ariyniy (2005:38) berpendapat bahawa kecenderungan dan kepakaran Najīb al-Kīlānī memfiksyenkan sejarah atau sesebuah konflik yang benar-benar terjadi sangat menarik untuk dikaji sebagaimana yang terkandung dalam novel *Al-Ẓill al-Aswad*, '*Azrā' Jākartā*, *Layālī Turkistān*, *'Amāliqah as-Syamāl*, dan *Qatil Hamzah*.

Sejajar dengan kajian-kajian tersebut, kajian ini melihat adanya kewajaran novel-novel Najīb al-Kīlānī dianalisis dengan menggunakan kerangka teori atau gagasan sastera Islam yang lain pula. Dengan kata lain, kajian ini berhasrat menganalisis novel-novel Najīb al-Kīlānī dengan menggunakan kerangka teori atau gagasan sastera Islam yang berasal dari rantau luar Arab, khususnya dari rantau Nusantara. Bertepatan dengan julukan 'sasterawan Islam bertaraf antarabangsa' yang diterimanya, seharusnya karya-karyanya juga diukur dengan kerangka kerangka teori atau gagasan sastera Islam yang memiliki ciri-ciri *al-'ālamiyyah* atau kesejagatan. Justeru kajian ini berhasrat mengaplikasikan kerangka gagasan Sastera Profetik janaan Kuntowijoyo ke atas novel-novel Najīb al-Kīlānī.

Amat penting dinyatakan di sini bahawa pemilihan gagasan Sastera Profetik sebagai kerangka analisis dalam meneliti novel-novel Najīb al-Kīlānī berdasarkan beberapa justifikasi sebagaimana berikut:

Pertama, gagasan Sastera Profetik memiliki ciri *al-ālamiyyah* atau kesejagatan yang merentasi sempadan bahasa, budaya, bangsa dan negara. Ciri-ciri *'ālamiyyah* ini dibuktikan berdasarkan kepada tiga etika yang menjadi 'pengikat' Sastera Profetik iaitu humanisasi (amar makruf), liberasi (nahi mungkar), dan transendensi (*al-Iman billah*). Dengan kata lain, tiga Etika Profetik tersebut kekal relevan tanpa mengira latar tempat dan ketika kerana ciri kesejagatannya yang bertepatan dengan ajaran Islam. Meskipun gagasan Sastera Profetik berasal dari Nusantara, namun ia boleh diaplikasikan ke atas karya-karya sastera Islam yang berbeza latar negara, bahasa dan budayanya seperti karya sastera Arab. Hujah ini disokong oleh pendapat Mohamed Anwar Omar Din (2004:17) dalam mukadimah buku *Sastera Islam Citra Nurani Ummah*, "konsep sastera Islam rata-ratanya berpegang kepada *amar makruf* dan *nahi mungkar* sebagai kerangka analitikal walaupun pelbagai hujah, tafsiran dan teori telah diberikan oleh pelbagai pihak namun kesemuanya berakhir dengannya."

Sehubungan dengan ciri *al-'ālamiyyah* juga, dalam buku *Beberapa Aspek Pemikiran al-Maududi*, Mustafa Haji Daud (1988) ada memetik Al-Maududi mengatakan bahawa:

> Nilai akhlak yang baik dan akhlak yang keji adalah berbentuk sejagat, iaitu semua masyarakat di dunia ini pada keseluruhannya mempunyai pandangan yang sama terhadap akhlak yang baik dan sama-sama mengeji akhlak yang keji. Justeru itu, al-Qur'an menggunakan istilah

© COPYRIGHT UPM

> al-makruf (sesuatu yang diketahui oleh manusia tentang baiknya sesuatu perbuatan) dan al-mungkar (sesuatu yang telah diketahui tentang keburukannya) untuk akhlak yang buruk.

Kedua, selain menggariskan dua etika utama iaitu 'amar makruf' dan 'nahi mungkar' sebagaimana gagasan lain, Sastera Profetik turut mengetengahkan transendensi (*al-Iman billah*) sebagai etika ketiganya. Keimanan kepada Allah merupakan asas yang amat penting dalam gagasan sastera Islam yang lain. Sebagai contoh, Muhammad Qutb (1995:117) meletakkan 'hakikat akidah' atau keimanan sebagai ciri yang mesti ada dalam sesebuah karya sastera Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam petikan berikut: "Seni yang benar tidak akan sama sekali meninggalkan hakikat akidah. Hakikat itu wajib digambarkan dalam jiwa-jiwa manusia yang hidup dengan akidah itu dan bagaimana akidah memberi kesan dalam kehidupan manusia." Selain Muhammad Qutb, 'Abd al-Hamid Buzwinah (1990:95) dan Naṣr ad-Din Ibrahim Husayn (1998:202) juga menggariskan akidah atau keimanan kepada Allah sebagai ciri utama dalam gagasan sastera Islam mereka.

Ketiga, konsep *habl min Allah* dan *habl min al-Nas*. Kuntowijoyo turut menggariskan konsep tersebut dalam gagasan Sastera Profetik tetapi menamakannya dengan istilah 'keterkaitan antara kesedaran' (2006:7). Konsep tersebut turut digariskan oleh Abd al-Ḥamīd Buzwinah (1990:95) dalam gagasan sastera Islamnya sebagaimana yang dijelaskannya dalam kutipan berikut: "Antara keutamaan yang perlu ditekankan dalam sastera Islam antaranya mewujudkan gambaran fenomena kehidupan insan yang kompleks dalam pelbagai aspek kehidupannya sebagai seorang insan mahupun sebagai anggota masyarakat." Abd al-Hamid juga meletakkan empat *mihwar* (kutub) dalam gagasannya iaitu Tuhan, alam sekitar, insan, dan masyarakat.

Keempat, gagasan Sastera Profetik merupakan gagasan paling awal dikemukakan dan diterima dengan baik di Indonesia. Penerimaan warga sastera Indonesia terhadap gagasan tersebut dinyatakan oleh Mohd Faizal Musa (2012:168) sebagaimana berikut: "Merujuk kepada wacana sastera Islam di Indonesia, jelas gagasan Sastera Transendental, berbanding dengan gagasan lain, mendapat sambutan yang paling hangat dalam kalangan warga sastera di negara tersebut." Sebagai sebuah gagasan sastera Islam yang sudah lama diperbahaskan, Sastera Profetik juga mendapat sokongan dan perakuan daripada beberapa tokoh sastera di Indonesia seperti S. Bashri, Abdul Hadi W.M, Danarto dan M. Fudoli Zaini. Mereka turut melanjutkan perbahasan mengenai gagasan yang diutarakan Kuntowijoyo.

Perlu juga dinyatakan di sini, bahawa idea Kuntowijoyo tersebut turut mendapat perhatian di Malaysia. Akademi Kajian Ketamadunan pernah menerbitkan monograf beliau dengan judul *Ilmu Sosial Profetik Sebagai Gerakan Intelektual* (2004). Monograf tersebut merupakan ringkasan dari buku beliau yang berjudul *Muslim Tanpa Masjid*.

© COPYRIGHT UPM

Kelima, beberapa 'titik pertemuan' antara Najīb al-Kīlānī dan Kuntowijoyo. Kedua-duanya dilihat memiliki 'persamaan'. Pertama, kerana kedua-duanya terpengaruh dengan pemikiran penyair besar Pakistan, Muhammad Iqbal. Najīb al-Kīlānī sendiri pernah memperakui kuatnya pengaruh Iqbal ke atas dirinya (1985g:226), manakala Kuntowijoyo secara jelas mengakui bahawa idea-idea Etika Profetik juga tercetus daripada buku Iqbal yang bertajuk *Membangun Kembali Pikiran Agama dalam Islam* (2006:8). Kedua, Najīb al-Kīlānī dan Kuntowijoyo merupakan dua tokoh pertama di rantau masing-masing - Arab dan Indonesia – yang membahaskan gagasan sastera Islam secara konsisten dan tersusun. Ia dapat dibuktikan melalui buku-buku berkaitan sastera Islam yang dihasilkan oleh kedua-duanya. Dan ketiga, sebagaimana al-Kīlānī yang menolak gaya khutbah yang berjela-jela dalam karya (Najīb al-Kīlānī,1992: 35), Kuntowijoyo juga memilih pendekatan yang sama (Mohd Faizal Musa, 2012: 76).

Justeru, berdasarkan pewajaran-pewajaran tersebut, adalah sesuatu yang signifikan sekiranya novel-novel Najīb al-Kīlānī itu dianalisis menggunakan gagasan Sastera Profetik bagi menjawab persoalan 'apakah karya Najīb al-Kīlānī benar-benar layak menjadi contoh atau model karya sastera Islam?' Sehubungan itu, kajian ini juga akan mengukuhkan dakwaan bahawa Najīb al-Kīlānī sememangnya 'sasterawan Islam yang bertaraf antarabangsa' sekiranya novel-novel terpilihnya dianalisis dengan gagasan sastera Islam yang memiliki ciri-ciri *'ālamiyyah* malah berjaya mencapai tahap *kaffah* sebagaimana yang dikehendaki menurut gagasan Sastera Profetik.

Dengan kata lain, kajian ini akan 'melayakkan' novel-novelnya diangkat menjadi 'model' bagi sesebuah karya sastera Islam. Secara tidak langsung, kajian ini turut menyerlahkan Sastera Profetik sebagai sebuah gagasan sastera Islam bersifat sejagat yang melewati sempadan bahasa, budaya, bangsa, dan negara.

1.4 Objektif Kajian

Pada umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana novel-novel Najīb al-Kīlānī dapat memperlihatkan kehadiran prinsip-prinsip Sastera Profetik sebagaimana yang digariskan oleh Kuntowijoyo.

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

1. mengenal pasti kehadiran etika-etika Sastera Profetik dalam novel-novel terpilih Najīb al-Kīlānī,
2. menganalisis etika-etika Sastera Profetik dalam novel-novel terpilih Najīb al-Kīlānī, dan
3. merumuskan kesepaduan etika-etika Sastera Profetik yang membawa kepada tercapainya konsep *kaffah* dalam novel-novel terpilih Najīb al-Kīlānī.

© COPYRIGHT UPM

1.5 Kepentingan Kajian

Sebagaimana yang telah dinyatakan terdahulu, bahawa kajian ini merupakan kajian dalam bidang kesusasteraan Arab Moden yang menjurus kepada novel-novel Najīb al-Kīlānī. Walau bagaimanapun, secara khusus, kajian ini akan dapat memberi sumbangan terhadap perkembangan sastera Islam di Malaysia. Meskipun kedapatan kajian terdahulu dilakukan terhadap karya Najīb al-Kīlānī, namun kajian analisis terhadap novel-novel yang ditulis oleh sasterawan Arab ini masih sangat signifikan. Sebagai seorang novelis Arab terkemuka yang mempelopori gagasan sastera Islam, masih terdapat kelompangan yang boleh diisi. Ditambah pula, kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada ketokohan pengarang, gagasan sastera Islamnya, latar dan watak dalam karyanya.

Keberadaan Najīb al-Kīlānī selaku pelopor sastera Islam atau *al-Adab al-Islāmiy* juga menjadi penyebab kajian ini wajar dilaksanakan. Mandala sastera Islam di Malaysia khususnya, masih lagi berlegar-legar dalam kalangan pengarang Malaysia dan Indonesia, sedangkan perkembangan sastera Islam pada zaman moden lebih awal bermula di rantau Arab. Karya-karya Najīb al-Kīlānī yang sudah diterjemahkan ke pelbagai bahasa dunia dan sumbangannya yang diiktiraf oleh Rabitat al-Adab al-Islāmiy al-'Alamiyyaṯ (Pertubuhan Sastera Islam Sedunia) perlu didedahkan kepada khalayak sastera Malaysia. Sebagai seorang yang dianggap pelopor sastera Islam, adalah wajar jika karya-karya Najīb al-Kīlānī dijadikan panduan dan model kepada para penulis di rantau ini dalam melahirkan 'karya Islami'. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa sebagai seorang sasterawan juga, al-Kīlānī memiliki keistimewaan tertentu dan kredibilitinya yang tersendiri. Ini merujuk kepada ketokohannya sebagai seorang pejuang, pengarang, pemikir dan akhirnya perintis kepada sebuah gagasan sastera Islam yang tersebar luas di rantau Arab, malah di Nusantara. Keistimewaan ini penting untuk dizahirkan dalam usaha memahami kesignifikan pemilihan novel-novelnya yang menjadi skop kajian ini.

Seterusnya, kajian ini turut ingin mengenengahkan sebuah gagasan sastera Islam yang berciri universal sebagai membuka wacana baru dan alternatif kepada khalayak sastera selain gagasan-gagasan sastera Islam yang sedia ada di Malaysia seperti Takmilah, Persuratan Baru, Puitika Sastera Melayu dan Pengkaedahan Melayu. Gagasan Sastera Profetik yang dijanakan oleh Kuntowijoyo – yang diangkat sebagai kerangka kajian – dilihat berupaya menjadi sebuah 'teori' sastera Islam yang boleh menjadi sandaran atau metod dalam penghasilan mahupun kritikan sesebuah karya Islami. Kehadiran Sastera Profetik merupakan satu tawaran yang menarik buat dunia kesusasteraan Islam di Malaysia khasnya; memandangkan gagasan ini bukan sahaja mampu berperanan sebagai kerangka dalam menilai sesebuah karya kreatif, tetapi dalam masa yang sama boleh dijadikan panduan dan kayu ukur dalam menghasilkan karya sastera Islam. Perlulah ditegaskan bahawa pemilihan gagasan ini sebagai kerangka tidak sama sekali menafikan 'kedudukan' gagasan-gagasan lain, sebaliknya bersifat memperkaya dan memberi nilai tambah kepada wacana sastera Islam.

© COPYRIGHT UPM

Selanjutnya, memandangkan *Maklumat Sastra Profetik* (2006), merupakan buku terakhir yang ditulis oleh Kuntowijoyo berkaitan gagasannya, justeru segala perbincangan dan penjelasan yang terkandung dalam buku tersebut merupakan 'rumusan akhir' beliau terhadap Sastera Profetik. Walau bagaimanapun, kajian mendapati beberapa dapatan baharu di dalamnya memerlukan beberapa perincian bagi mengukuhkan lagi gagasan ini. Justeru, kajian ini secara tidak langsung akan melihat ruang-ruang baharu yang harus diteroka dalam gagasan Sastera Profetik menerusi pengaplikasiannya ke atas novel-novel Najīb al-Kīlānī. Namun demikian, segala 'pengukuhan' tersebut harus juga dirujuk daripada buku-bukunya yang terdahulu seperti *Paradigma Islam: Interpretasi untuk Aksi (1991)* dan *Muslim Tanpa Masjid* (2001) bagi melihat kesinambungan keseluruhan gagasannya.

Pengemukaan gagasan Sastera Profetik ini terhadap karya Najīb al-Kīlānī dapat dihujahkan sebagai satu usaha yang memiliki signifikan dalam memperkukuh pembinaan teori sastera Islam. Seperti mana yang telah dimaklumkan terdahulu, Kuntowijoyo adalah tokoh sastera Islam di Indonesia yang berperanan besar dalam mencetuskan kembali minat terhadap sastera Islam. Hal yang sama terlihat pada Najīb al-Kīlānī yang dianggap pelopor kepada sastera Islam di rantau Arab. Justeru, mengacukan 'sebuah gagasan sastera Islam dari Nusantara' terhadap karya sastera dari Arab yang kedua-dua tokohnyanya adalah antara penyumbang terbesar dalam fenomena sastera Islam di rantau masing-masing menjadikan kajian ini satu upaya yang menyumbang kepada perkembangan sastera Islam di kedua-dua rantau. Kajian ini juga diharap dapat membuka ruang perbahasan yang lebih bersifat intelektual dalam perkembangan karya sastera Islam di Malaysia.

1.6 Batasan Kajian

Seperti yang dinyatakan terdahulu, kajian ini memanfaatkan gagasan Sastera Profetik janaan Kuntowijoyo sebagai kerangka dalam menganalisis teks-teks kajian. Analisis yang dilakukan akan memberi penekanan kepada tiga etika yang menjadi tunjang kepada gagasan Sastera Profetik, iaitu humanisasi, liberasi, dan transendensi.

Kajian ini memberikan tumpuan kepada novel-novel Najīb al-Kīlānī sahaja. Sebanyak enam buah novel telah dipilih sebagai korpus kajian daripada 43 buah novel yang dihasilkan oleh Najīb al-Kīlānī sepanjang hayatnya. Novel-novel tersebut ialah:

i. *'Umar yaẓhar fī al-Quds* (Umar Muncul di Baitul Maqdis) diterbitkan pada tahun 1971,
ii. *'Azrā' Jākartā*, (Gadis Jakarta) diterbitkan pada tahun 1972,
iii. *Layālī Turkistān* (Malam-malam Turkistan) diterbitkan pada tahun 1972,
iv. *Al-Ẓill al-Aswad* (Bayang-bayang Hitam) diterbitkan pada tahun 1980,
v. *Malikat al-'Inab* (Ratu Anggur) diterbitkan pada tahun 1992, dan
vi. *Al-Rajul alladhi Āmana* (Lelaki yang Beriman) diterbitkan pada tahun 1994.

© COPYRIGHT UPM

Amat perlu dinyatakan di sini bahawa pemilihan keenam-enam buah novel tersebut adalah berdasarkan justifikasi berikut: Pertama, novel-novel yang terpilih adalah terdiri daripada novel yang terbit dan dikarang oleh Najīb al-Kīlānī selepas beliau mulai memperlihatkan idea gagasan Sastera Islamnya. Meskipun gagasan itu mulai dicetuskannya sejak pertengahan 1960-an menerusi buku *Al-Islamiyyah wa al-Madhāhib al-Adabiyyah* (Islam dan Mazhab-mazhab Sastera), namun al-Kīlānī dilihat secara konsisten mulai menggarap novel-novelnya mengikut 'acuan' *al-Adab al-Islāmiy* pada awal 1970-an.

Kedua, novel-novel yang terpilih telah dihasilkan oleh al-Kīlānī pada *marhalah* atau fasa ketiga kepengarangannya, iaitu bermula pada tahun 1968 sehingga 1994 (2007:71).

Ketiga, novel-novel yang terpilih mengangkat latar tempat dan negara yang berbeza. Novel *Umar yaẓhar fi al-Quds* mengambil latar di Baitulmaqdis, '*Azrā' Jākartā* di Indonesia, *Layālī Turkistān* di Xinjiang/Turkistan, *Al-Ẓill al-Aswad* di Ethiopia, *Malikat al-'Inab* di Mesir, dan *Al-Rajul alladhi Āmana* di Dubai.

Keempat, novel-novel yang terpilih mengangkat tema atau persoalan yang berbeza. Konflik yang dialami oleh watak-wataknya juga berbeza. Novel '*Umar yaẓhar fi al-Quds* mengangkat isu Palestin, *'Azrā' Jākartā* mengangkat isu kudeta rejim Komunis di Indonesia, *Layāli Turkistan* mengangkat isu perjuangan Muslim Turkistan menentang imperialis China dan Rusia, *Al-Ẓill al-Aswad* mengangkat isu diskriminasi agama di Ethiopia, *Malikat al-'Inab* mengangkat isu zakat dan ekonomi umat Islam, dan *Al-Rajul alladhi Āmana* mengangkat isu orang Barat yang mencari Islam di Timur.

Dan kelima, novel-novel yang terpilih turut disenaraikan oleh Najīb al-Kīlānī dalam kategori *al-Qiṣṣah al-Islamiyyat* atau 'naratif Islam' dalam bukunya *Tajribati adh-Dhātiyah fi al-Qissat al-Islamiyyah* (1991:44-45).

Amat penting dinyatakan di sini bahawa kajian ini meneliti dan memahami isi kandungan novel-novel terpilih tersebut secara keseluruhan. Malahan kajian ini turut mengenal pasti persoalan atau tema yang dibincangkan oleh setiap novel. Tema-tema terdiri daripada tiga Etika Profetik yang telah digariskan oleh Kuntowijoyo dalam gagasan Sastera Profetik iaitu humanisasi, liberasi, dan transendensi.

Di samping itu, semua aspek yang menjadi struktur sesebuah novel juga perlu diteliti bagi melihat aspek-aspek yang menjadi keutamaan dan kecenderungan di sisi pengarang bagi mengemukakan persoalan atau tema sepanjang pengolahan naratif novelnya.

© COPYRIGHT UPM

1.7 Metodologi dan Kaedah Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan kaedah analisis kandungan, iaitu seperti berikut:

1.7.1 Kaedah Kajian Kepustakaan

Secara umumnya, kajian ini akan menggunakan kaedah kajian kepustakaan (*library research*). Kaedah ini terdiri daripada proses mencari, memilih, membaca, dan merujuk merujuk bahan-bahan yang berkaitan dengan topik kajian khususnya novel-novel Najīb al-Kīlānī dan Gagasan Sastera Profetik. Bahan-bahan yang berkaitan dengan topik kajian itu dibahagikan kepada sumber primer dan sumber sekunder. Enam buah novel Najīb al-Kīlānī merupakan sumber primer. Manakala sumber sekunder pula merujuk kepada kajian-kajian sastera, buku-buku serta tulisan-tulisan yang berkaitan dengan Najīb al-Kīlānī dan Gagasan Sastera Profetik. Dengan kata lain, bagi tujuan mendapatkan maklumat yang lengkap dan tepat tentang Najīb al-Kīlānī dan Gagasan Sastera Profetik, pembacaan, pemahaman dan penafsiran perlu dilakukan ke atas jurnal-jurnal, tesis/disertasi, latihan ilmiah, buku-buku rujukan, kertas kerja, juga kitab-kitab agama yang mempunyai kaitan dengan kedua-duanya. Di samping memperoleh data dari pusat-pusat dokumentasi, kajian ini juga akan menggunakan sumber-sumber lain berbentuk bantuan khidmat teknologi maklumat sebagai rujukan internet. Kemudian, sumber primer dan sumber sekunder itu akan dicerna dengan menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*).

1.7.2 Kaedah Analisis Kandungan

Kajian ini selanjutnya akan menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) iaitu sebuah kaedah kajian yang digunakan untuk mengetahui kesimpulan sesebuah teks. Dengan kata lain, analisis kandungan merupakan kaedah yang berupaya mengungkap gagasan dan pemikiran seseorang pengarang yang diterapkan dalam sesebuah teks. Kaedah ini menuntut kepada pendekatan pembacaan teliti (*close reading*). Pembacaan teliti yang dimaksudkan ialah dengan membaca novel-novel Najīb al-Kīlānī yang terpilih untuk dikaji. Pendekatan pembacaan teliti tadi akan membantu pemahaman sesebuah teks yang dipilih secara keseluruhan.

Selanjutnya, setelah meneliti dan memahami isi kandungan novel-novel terpilih tersebut secara menyeluruh, kajian ini akan mengenal pasti persoalan atau tema yang dibincangkan oleh setiap novel. Tema-tema terdiri daripada tiga Etika Profetik yang telah digariskan oleh Kuntowijoyo dalam gagasan Sastera Profetik iaitu humanisasi, liberasi, dan transendensi.

Di samping itu, semua aspek yang menjadi struktur sesebuah novel juga perlu diteliti bagi melihat aspek-aspek yang menjadi keutamaan di sisi pengarang bagi

© COPYRIGHT UPM

mengemukakan persoalan atau tema sepanjang pengolahan naratifnya. Sebagai contoh, bagi menerapkan tema atau etika humanisasi, pengarang lebih cenderung menggunakan aspek watak dan perwatakan. Atau bagi menerapkan etika transendensi, pengarang lebih cenderung menggunakan aspek sudut pandangan dan sarana dialog.

Seterusnya kajian akan melihat dan menghubungkan keterkaitan antara etika-etika yang terkandung dalam sesebuah novel itu dengan tujuan bagi memastikan sama ada novel tersebut memenuhi tuntutan gagasan Sastera Profetik atau sebaliknya.

1.8 Latar Belakang Najīb al-Kīlānī

Najīb al-Kīlānī atau nama penuhnya Najīb Ibrahim Abd al-Latif al-Kīlānī lahir di sebuah desa bernama Syarsyabah yang terletak kira-kira 20 kilometer dari bandar Tanta, wilayah al-Gharbiyyah, Mesir pada 1 Jun 1931. Sejak ketika usianya empat tahun, al-Kīlānī telah dihantar ke pusat tahfiz al-Qur'an. Beliau kemudiannya menerima pendidikan awal yang lebih formal di tempat kelahirannya iaitu di Madrasah al-Awwaliyyah al-Ilzamiyyah (Sekolah Rendah Dasar) ketika berusia tujuh tahun. Selepas Perang Dunia Kedua meletus, beliau berpindah ke Madrasah al-Irsaliyyah al-Amrikiyyah al-Ibtida'iyyah (Sekolah Rendah Peralihan Amerika). Selepas melalui pendidikan menengahnya di Tanta, beliau kemudiannya mendalami bidang perubatan di Fakulti Perubatan al-Qasr al-'Ayni di Universiti Fuad I, Kaherah pada 1951.

Malangnya pada 18 Ogos 1955, Presiden Gamal Abdul Nasser telah melancarkan penangkapan terhadap sebahagian besar anggota Ikhwan al-Muslimin di Mesir dengan dakwaan mahu melakukan kudeta ke atas kerajaan pimpinannya. Al-Kīlānī yang menganggotai pertubuhan tersebut turut ditahan, didakwa di mahkamah dan dijatuhkan hukuman penjara selama sepuluh tahun. Pengajian perubatannya yang sudah di tahun keempat tertangguh. Beliau dipindahkan dari satu penjara ke penjara yang lain sebelum dibebaskan pada akhir November 1958 setelah merengkok di dalamnya selama 40 bulan. Seterusnya al-Kīlānī menyambung kembali pengajiannya yang terhenti dan akhirnya berjaya menamatkan pangajiannya dan bergelar seorang doktor perubatan pada 1960.

Kemudian al-Kīlānī bertugas sebagai doktor di Hospital Umm al-Misriyyin pada 1961 sebelum ditempatkan di tempat kelahirannya di Syarsyabah. Tidak lama selepas itu, dia dipindahkan ke Kementerian Pengangkutan dan Komunikasi untuk berkhidmat di bawah Unit Keretapi di Kaherah, dan seterusnya di Abi Za'bal. walau bagaimanapun, pada 6 September 1965, al-Kīlānī ditahan buat kali kedua sebelum dibebaskan pada akhir November 1966.

Akhirnya al-Kīlānī nekad meninggalkan negara kelahirannya untuk berhijrah ke Dubai di Emiriyah Arab Bersatu pada 31 Mac 1968. Di Dubai, beliau meneruskan khidmatnya dalam bidang perubatan di pelbagai peringkat jawatan sebelum mengakhiri kerjaya doktornya sebagai pengarah kebudayaan kesihatan di Kementerian Kesihatan

© COPYRIGHT UPM

Emiriyah Arab Bersatu. Beliau juga aktif selaku anggota *al-Lujan al-Fanniyyah li al-Amanah al-Sihhiyyah li Duwal al-Khalij* (Badan Kesenian Yayasan Kesihatan bagi negara-negara Teluk) dan *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyyah* (Pertubuhan Sastera Islam Sedunia),

Setelah menetap di luar negara selama 13 tahun, beliau akhirnya pulang ke Mesir pada 1992. Kira-kira dua tahun kemudian, beliau disahkan menghidap kanser hati dan menderita hampir setahun lamanya sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir di tanah airnya pada 5 Syawal 1415 Hijrah bersamaan 6 Mac 1995 Masihi.

Sepanjang usia kepengarangannya, al-Kīlānī berjaya menghasilkan 43 buah novel (termasuk yang tidak diterbitkan atau hilang dari simpanan) (Taufiq, 2008: 186), lapan buah antologi cerpen persendirian, lima buah antologi puisi persendirian dan lima buah skrip drama pentas. Selain menghasilkan karya kreatif seperti novel, cerpen, puisi dan drama pentas, al-Kīlānī juga aktif menulis kritikan, biografi, terjemahan, di samping menyumbang esei-esei pemikiran Islam, sosial dan kesihatan.

Najīb al-Kīlānī pernah mendapat pengiktirafan dari luar mandala Arab seperti Hadiah Pingat Emas Muhammad Iqbal yang diterimanya daripada kerajaan Pakistan pada 1978. Novel-novel al-Kīlānī menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat nasional mahupun antarabangsa, malahan ada yang terpilih menjadi teks untuk kegunaan para pelajar di sekolah-sekolah menengah di Mesir seperti novel sulungnya, *Al-Thariq al-Tawil*. Sebahagian besar novelnya juga telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa seperti bahasa Turki, Inggeris, Perancis, Russia, Urdu, Parsi, China, Itali, Sweden, dan Indonesia.

1.9 Organisasi Kajian

Kajian ini mengandungi lima (5) bab yang merangkumi bahagian pengenalan, sorotan kajian lampau, metodologi, analisis kajian, dan kesimpulan.

Bab pertama, iaitu bab pendahuluan merupakan pengenalan kepada kajian. Bab ini membincangkan latar belakang kajian yang menyentuh berkaitan sejarah kelahiran novel Arab dan profil ringkas Najīb al-Kīlānī. Seterusnya, bahagian ini membincangkan permasalahan kajian yang menjadi titik persoalan utama mengapa kajian ini dilakukan, terutamanya berkaitan pewajaran pemilihan Najīb al-Kīlānī dan Sastera Profetik sebagai subjek dan kerangka analisis kajian. Bab ini juga membincangkan objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, latar belakang Najīb al-Kīlānī, dan organisasi kajian.

Bab kedua pula memfokuskan kepada sorotan kajian lampau yang berkaitan dengan judul dan permasalahan kajian. Sorotan kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu, kajian berkaitan Najīb al-Kīlānī, dan kajian berkaitan gagasan Sastera Profetik.

© COPYRIGHT UPM

Bab ketiga membentangkan gagasan Sastera Profetik yang menjadi metodologi kajian. Sebelum dilakukan analisis pada bab seterusnya, kajian ini akan cuba memperincikan gagasan Sastera Profetik dari segi latar belakang, falsafah, kaedah dan etikanya. Konsep *kaffah* yang menjadi 'kemuncak' kepada Etika Profetik juga dijelaskan dalam bab ini.

Bab keempat tertumpu kepada bahagian analisis teks yang khusus kepada enam (6) buah novel Najīb al-Kīlānī yang telah dipilih sebagai bahan atau batasan kajian. Analisis yang dilakukan akan memberi penekanan kepada tiga etika yang menjadi tunjang kepada gagasan Sastera Profetik, iaitu humanisasi, liberasi, dan transendensi.

Seterusnya bab kelima iaitu bab terakhir akan membentangkan rumusan dan mengemukakan dapatan-dapatan yang diperoleh hasil daripada kajian dan analisis yang dilakukan. Bab ini juga menyarankan beberapa cadangan untuk kajian-kajian seterusnya.

1.10 Kesimpulan

Secara umumnya, bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan. Perkara-perkara yang merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, metodologi kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan organisasi kajian telah diterangkan secara terperinci. Bab ini juga telah menjelaskan secara sepintas lalu berkaitan Najīb al-Kīlānī dan Gagasan Sastera Profetik yang menjadi dua fokus utama dalam kajian. Selanjutnya, maklumat-maklumat yang lebih mendalam berkaitan kajian lepas dan kerangka analisis akan dijelaskan pada bab-bab seterusnya.

© COPYRIGHT UPM

BIBLIOGRAFI

Buku

Al-Quran al-Karim al-Haramain 7 dalam 1. (2014). Shah Alam: Karya Bestari.

A Hasjmy. (1984). *Apa Tugas Sasterawan Sebagai Khalifah Allah*. Surabaya: PT Bina Ilmu.

Abd Basit Salamah. (2004). *Al-Riwayat al-Tarikhiyyat 'inda Naguib al-Kilani*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Kaherah: Fakulti Bahasa, Universiti al-Azhar.

Abdul Hadi W.M. (1989). Pesantren Tasawuf dan Sastra. *Majalah Amanah*. September: 24.

Abdul Hadi W.M. (1992). Kembali ke akar tradisi sastra transendental dan kecenderungan sufistik kepengarangan di Indonesia. *Jurnal Ulumul Quran*. Jakarta: t.pt.

Abdul Qadir Isa. (2005). *Hakekat Tasawuf* (Terj. *Haqā'iq al-Tasawuf*). Jakarta: Qisthi Press.

Abdul Qadir Isa. (2007) *Cetak Biru Tasawuf: Spiritualitas Ideal dalam Islam* (*Terj*. *Haqa'iq 'an al-Tasawwuf*). Ciputat: Penerbit Ciputat Press.

Abd al-Rahman Munif (1979) *Al-Ma'rifah*. Februari: 193

Abu al-Husayn Ahmad bin Faris. (1991). *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*. Jilid 4. Beirut: Dar al-Jīl.

Adib Bisri Musthofa. (1999). *Tarjamah Shahih Muslim.* (Juzuk 1). Kuala Lumpur: Victory Agencie.

Adli Yaacob & Rahmah Ahmad H. Osman. (2009). *Manahij al-Adab al-Islami 'inda al-'Udaba' al-Malayuwiyyin wa al-Arab fi al-'Asr al-Hadith*. Gombak: IIUM Press.

© COPYRIGHT UPM

Ahmad Bassam Sa‘i. (1985). *Al-Wāqi’iyyah al-Islamiyyah fi al-Adab wa al-Naqd*. Jeddah: Dar al-Manārah.

al-‘Arīyni, Abdullah bin Ṣaleh. (2005). *Al-Ittijāh al-Islamiy fi A‘mal Naguib al-Kilāni al-Qasasiyyat*. Riyadh: Dar Kunuz Eshbilia.

al-Ghazālī. (t.t) *Al-Amr bi al-Ma‘ruf wa al-Nahy ‘an al-Mungkar*. (Tahqiq Sayid Ibrahim). Kaherah: Dar al-Hadith

Ann Wan Seng. (2011). *Cerita Minoriti Muslim di China*. Kuala Lumpur: Must Read

Anwar Efendi. (2011). *Dimensi Profetik dalam Fiksi Kuntowijoyo.* Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Malang.

Anwar Efendi. (2012). Realitas Profetik dalam Novel *Ketika Cinta Bertasbih* Karya Habiburrahman el-Shirazy. *Litera*. Vol. 11: Nombor 1. April.

Asep Sambodja. (2010). *Histriografi Sastra Indonesia 1960-an*. Jakarta: Bukupop

Ashcroft, B. Griffiths, G. & Tiffin, H. (2000). *Post-Colonial Studies: The Key Concepts*. London and New York: Routledge

Asyraf Muhammad Musa. (1951). *Al-Kitabat al-Arabiyyat al-Adabiyyat wa al-Ilmiyyat*. Kaherah: Matba‘at Muṣtafa al-Bab al-Halabi

Azhar Hj Wahid. (2011). Hegemoni Intelektual Kolonialisme dalam Novel Melayu. *Jurnal Melayu* (Edisi Keenam). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Barighish, Muhammad Hasan. (1994). *Dirasat fi al-Qissat al-Islamiyyat al-Mu‘asirat (ma‘a ‘Ard wa Dirasat li ‘Adad min Qasas al-Duktur Naguib al-Kilani)*. Beirut: Muassasat al-Risalat.

Barighish, Muhammad Ḥasan. (1998). *Fi al-Adab al-Islami al-Mu‘āṣir: Dirasat wa Tatbīq*. Beirut: Muassasat al-Risalat.

al-Basha, Abd ar-Rahman Ra‘fat. (1998). *Nahwu Madhab Islami fi al-Adab wa al-Naqd*. Limassol: Dar al-Adab al-Islami.

© COPYRIGHT UPM

Bukharin, N. (2013). *Historical Materialisme: A System of Sociology*. New York: Routledge

Burhan Nurgiyantoro. (2012). *Teori Pengkajian Fiksi*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

Denisova, T. (2011). *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (1995). *Kamus Dwibahasa (Bahasa Inggeris - Bahasa Malaysia).* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewi Restiani (2013). *Sistem Feodalisme dalam Novel Gadis Pantai oleh Pramoedya Ananta Toer*. (Disertasi Sarjana Sastera). Yogyakarta: Universiti Negeri Yogyakarta.

Dhurorudin Mashad. (2006). *Muslim di China*. Jakarta: Pensil-324.

Engleton, T. (2011). *Why Marx was Right?* New Haven & London: Yale University Press.

Fahmi, M. (2005). *Islam Transendental: Menelusuri Jejak-jejak Pemikiran Islam Kuntowijoyo*. Yogyakarta: Pilar Media.

al-Fairuz Ābadi, Majd al-Din Muhammad bin Ya‘qūb. (t.t). *Al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Dar al-Jil.

Fleishman, A. (1971). *The English Historical Novel: Walter Scott to Virginia Woolf* . London: John Hopkins Press

Forster, E.M. (1987). *Aspects of The Novel*. Harmondsworth: Penguin Books.

Garaudy, R. (1982). *Janji-janji Islam*. Jakarta: Bulan Bintang

© COPYRIGHT UPM

Ghazali Darusalam. (1998). *Dakwah Islam dan Ideologi Barat: Ancaman Postmodernisme Terhadap Umat Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Gramsci, A. (1971). *Selection Form the Prison Notebook*. (Terjemahan & Penyuntingan oleh Quintin Hoare & Goffrey Nowell Smith). London: Lawrence & Wishart.

Hamka. (1982). *Tafsir Al-Azhar Juzu' 2*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Haqqi, Yahya. (1964). *Fajr al-Riwāyah al-Miṣriyyah* . Kaherah : tp.

Haqqi, Yahya. (1987). *Fajr al-Qissah al-Miṣriyyah*. Kaherah: Hai'at al-Misriyyah li al-Kitab

Haron Din. (2002). *Manusia dan Islam* (Jilid 1). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Harun Nasution. (1973). *Falsafat dab Misticisme dalam Islam*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

Harun Yahya. (2004). *Zaman Kegelapan Islam dan Ketibaan Era Kebangkitan Islam*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Hassan Saleh Hassan Yaacob. (2010). *Al-Tawajjuh al-Islami fi Madkhal ila al-Adab al-Islami li Naguib al-Kilani: Dirasat Naqdiat Adabiat" (Orientasi Islami dalam Karya Najib al-Kilani Madkhal ila al-Adab al-Islami: Kajian Kritikan Sastera).* Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hilal, Ghunaimi. (1964). *Al-Naqd al-Adabi al-Hadith*. Cetakan Ketiga. Kaherah: Maṭābi' al-Sha'b.

Hounderich, T. (1989). *Violence For Equality*. London: t.p.

Husayn, Naṣr ad-Din Ibrahim. (1998). *Nahwu 'Iṭār Islāmiy li al-Shi'r al-'Arabiy*. Gombak: IIUM Press

© COPYRIGHT UPM

Ibnu al-Manzur. (2012). *Lisān al-Arab*. Edisi Kelapan. Beirut: Dar Sader.

al-Idrisi, Abu Zaid al-Muqri'. (1996). Naguib al-Kilani Sīratihi bi Qalamihi. *Majallah al-Misykat*. Tahun Keenam. Bil 23. Maghribi.

Imadu ad-Din Muhammad bin al-Husin. (2005). *Kehidupan Hati: Untuk Sampai Kepada Tuhan yang Dikasihi* (Terj. Salleh Karimi Mohd Kari). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

al-Jājī, Khansā'. (2007). *Syakhsiyyah Riwayah Dr. Naguib al-Kilani: Dirasat Wasfiyyat Tahliliyat*. Tesis Doktor Fasafah tidak diterbitkan. Universiti Peshawar.

Jeniri Amir. (2010). *Politik dalam Novel*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

al-Jurjāniy, Abu Hasan Ali Muhammad. (1971). *Al-Ta'rifāh*. Kaherah: Dar al-Tunissiyyah.

John Roosa. (2008). *Dalih Pembunuhan Massal: Gerakan 30 September dan Kudeta Suharto*. Jakarta: Institut Sejarah Sosial Indonesia dan Hasta Mitra

Kaelani, Najīb. (2002). *Gadis Jakarta*. (Terj. Pahrurroji Muhammad Bukhori). Yogyakarta: Navila.

al-Kīlānī, Najīb. (1984). *Layālī Turkistān*. Cetakan Kelapan. Beirut: Dar al-Nafa'is.

al-Kīlānī, Najīb. (1985a). *Āfāq al-Adab al-Islāmi*. Beirut: Muassasat al-Risalat.

al-Kīlānī, Najīb. (1985b). *Lamahat min hayati* (Juz' 1). Beirut: Muassasat al-Risalat.

al-Kīlānī, Najīb. (1985c). *Lamahat min hayati* (Juz' 2). Beirut: Muassasat al-Risalat.

al-Kīlānī, Najīb. (1985d). *Lamahat min hayati* (Juz' 3). Beirut: Muassasat al-Risalat.

© COPYRIGHT UPM

al-Kīlānī, Najīb. (1985e). *Lamahat min hayati* (Juz' 4). Beirut: Muassasat al-Risalat.

al-Kīlānī, Najīb. (1985f). *Lamahat min hayati* (Juz' 5). Beirut: Muassasat al-Risalat

al-Kīlānī, Najīb. (1985g). *Riḥlati ma'a al-Adab al-Islāmi*. Beirut: Muassasat al-Risalat.

al-Kīlānī, Najīb. (1991). *Tajribati al-Dhatiyah fi al-Qissah al-Islamiyyah* (Pengalamanku dalam Naratif Islam). Beirut: Dar Ibn Hazm.

al-Kīlānī, Najīb. (1992a). *'Azrā' Jākartā*. (Cetakan Kesembilan). Beirut: Dar al-Nafā'is

al-Kīlānī, Najīb. (1992b). *Madkhal ila al-Adab al-Islāmi* (Pengantar Sastera Islam). Beirut: Dar Ibn Hazm.

al-Kīlānī, Najīb. (1992c). *Al-Ẓill al-Aswad*. Cetakan Kelima. Beirut: Dar al-Nafa'is.

al-Kīlānī, Najīb. (1992d). *Malikat al-'Inab*. Cetakan Pertama. Beirut: Dar Ibn Hazm.

al-Kīlānī, Najīb. (1994). *Al-Rajul Alladhi Āmana*. Beirut: Muassasat al-Risalat.

al-Kīlānī, Najīb. (1998). *'Umar yaẓhar fī al-Quds*. Cetakan Kelapan. Beirut: Muassasat al-Risalat.

Kroeber, K. (1971). *Styles in Fictional Structure: The Art of Jane Austen, Charlotte Bronte, George Elliot.* New Jersey: Princeton University Press.

Kuntowijoyo. (1982). Saya kira Kita Memerlukan Sebuah Sastra Transendental. *Berita Buana*, 21 Disember: 4.

Kuntowijoyo. (1991). *Paradigma Islam: Interpretasi untuk Aksi.* Bandung: Mizan.

Kuntowijoyo. (2001). *Muslim Tanpa Masjid*. Bandung: Mizan.

© COPYRIGHT UPM

Kuntowijoyo. (2004). *Ilmu Sosial Profetik Sebagai Gerakan Intelektual*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.

Kuntowijoyo. (2005). Maklumat Sastra Profetik: Kaidah, Etika dan Struktur Sastra. *Horison.* XXXIX. No.5 (8-19). Jakarta :Yayasan Indonesia.

Kuntowijoyo. (2006). *Maklumat Sastra Profetik*. Yogyakarta: Grafindo Litera Media.

M. Dawam Rahardjo. (1996). *Ensiklopedia al-Qur'an: Tafsir Sosial Berdasarkan Konsep-konsep Kunci*. Jakarta: Paramadina.

M. Mohi el-Din A. Abu el-Ma'āti. (2002). *Surat al-Mar'at fi Riwāyat Naguib al-Kilani (Citra Wanita dalam Novel Naguib al-Kilani).* Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mana Sikana. (2008). *Teori dan Kritikan Sastera Malaysia*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Karya.

Mana Sikana. (1985). *Tanggapan Sastera*. Kuala Lumpur: Karya Bestari.

Maqdisi, Anis. (1981). *Al-Tayyarat al-Adabiyyat fi 'alam al-Arab al-Hadith*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.

al-Miṣri, Jamil Abdullah Muhammad. (1996). *Hāḍir al-'Ālam al-Islāmi wa Qadhāyāhu al-Mu'asirat*. Jilid 2. Amman: Dar Umm al-Qura

Mohamad Kamil Abdul Majid, Norafifah Ab Hamid, & Norhidayah Mohamad. (2010). *Sayyid Qutb: Cetusan Idea Seorang Pejuang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohammad Asraff Ayob. (2010). *Quranology Ilmu di Sebalik Sebuah Kitab Agung.* Kuala Lumpur: Must Read.

Mohamad Saleeh Rahamad. (2005). *Pencerekaan dalam Novel Sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

© COPYRIGHT UPM

Mohamed Anwar Omar Din (peny.). (2004). *Sastera Islam Citra Nurani Ummah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Afif Abidin. (2002). *Teori Sastera Tasawwur Islami : Suatu Analisis Terhadap Novel Melayu Sebelum Perang*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Faizal Musa. (2011). Wacana Sastera Transendental. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Bil.13: 29-40.

Mohd Faizal Musa. (2012). *Wacana Sastera Islam di Malaysia & Indonesia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Mohd Faizal Musa. (2012). "Embun dalam *Lamunan Puitis Sebuah Trilogi* Karya Shahnon Ahmad: Satu Bacaan 'Transendental' Kuntowijoyo". Dalam *Pemikiran Sasterawan Negara Shahnon Ahmad.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Natsir. (1978). *Fiqh al-Dakwah*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Mohd Shahrizal Nasir. (2010). Mesej Benar dan Jelas sebagai Asas Sastera Islam. *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Ilmu & Praktis*. (Hlmn 519-548) Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Syamil Mohd Yusoff. (2010). *Hebatnya al-Quran Jika Kamu Berfikir*. Kuala Lumpur: Must Read

al-Mu'jam al-Wasit. (1998). Kaherah: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah

Muhammad Iqbal. (1988). *Pembangunan Kembali Alam Pikiran Islam* (The reconstruction of religious thought in Islam). Batu Caves: Thinker's Library.

Muhammad Jamal Barout & Sham al-Din al-Kīlānī. (2010). *Al-Quds fi al-Jughrafiyat al-Ruhiyyat al-Islamiyyat*. Beirut: Al-Muassasat al-Arabiyyat li al-Dirasat wa al-Nasyr.

© COPYRIGHT UPM

Muhammad Yahya Abu Melhah. (2009). "Islamiyyat al-Syakhsiyyat fi Riwayat Naguib al-Kilani" (Watak Islami dalam Novel-novel Naguib al-Kilani). *Majallah Al-Dirasat Al-Lughawiyyah Wa Al-Adabiyyah (Journal of Linguistic and Literary Studies), 1*(1).

Muhammad Taufiq Abdul Talib. (2012). *In'ikāsāt Mafhūm al-Adab al-Islami 'inda Naguib al-Kilani 'alā riwāyatay "'Ibārāt al-Hubb" wa "Sout al-Misbahat" al-Malayuwiyyatayn* (Ayat-ayat Cinta dan Derap-derap Tasbih: Satu Bacaan Refleksi berdasarkan Gagasan Sastera Islam Naguib al-Kilani). Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan. Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Mulyadhi Kartanegara. (2006). *Menyelami Lubuk Tasawuf*. Jakarta: Penerbit Erlangga.

al-Munziri, Zaki al-Din 'Abd al-Azhim. (2004). *Ringkasan Shahih Muslim (Arab-Indonesia)*. Batu Caves: Crescent News

Mustafa Haji Daud. (1988). *Beberapa Aspek Pemikiran Al-Maududi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mustafa Haji Daud. (2002). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Nadel, G. H., dan Curtis, P. (1964). *Imperialism and Colonialism*. London: Collier Macmillan Limited.

al-Nadwi, Abu al-Hasan Ali. (1996/1416H). Taqdim wa taqdir. *Majallah al-Adab al-Islami.* Tahun Ketiga. Bil 9 & 10. Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyyah. Beirut: Muassasat al-Risalat: 3

Nasr, Seyyed Hossein. (1993). *Spiritualitas dan Seni Islam.* Bandung: Mizan

al-Nawawī, Muhyi ad-Din. (1996). *Sahih Muslim bi Syarh Imam al-Nawawi*. Jilid 1-2. Beirut: Dar al-Ma'rifah

Nurazmi Kuntum. (1991). *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

© COPYRIGHT UPM

Othman Napiah. (2001). *Ahwal dan Maqamat dalam Ilmu Tasawuf*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Othman Puteh. (1991). *Persediaan Menulis Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Osman Haji Khalid. (1997). *Kesusasteraan Arab Zaman Abbasiah, Andalus dan Zaman Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

The Oxford English Dictionary. Jil 7. (1970). London: Oxford University Press.

Pabiyah Toklubok @ Hajimaming. (2007). *Riwayat Naguib al-Kilani wa Shahnon Ahmad al-Islamiyyat bayna al-Naẓariyyat wa al-Tatbiq: Dirasat Naqdiyat Muqaranat*. (Novel-novel Islami Naguib al-Kilani dan Shanon Ahmad: Kajian Kritikan Perbandingan Antara Teori dan Praktis). Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan. Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan. Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

al-Qā'ūd, Hilmi Muhammad. (1996). *Al-Waqi'iyyah al-Islamiyyah fi Riwayat Najīb al-Kīlānī*. Amman: Dar al-Basyir.

al-Qaradhawi, Yusuf. (1977). *Iman dan Kehidupan*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang

al-Qaradhawi, Yusuf. (1999). *Seni dalam Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

al-Qaradhawi, Yusuf. (2001). *Al-Quds: Qadhiyyah Kulli Muslim*. Beirut: Muassasat al-Risalat.

al-Qaradhawi, Yusuf. (2004). *Retorika Islam* (Terj.). Jakarta: Khalifa.

al-Qusyairi, Abd al-Karim Ibn Hawazin. (2001). *Risalah Sufi al-Qusyairi*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Qutb, Muhammad. (1983). *Syubuhāt Hawla al-Islam*. Beirut: Dar al-Syuruq.

© COPYRIGHT UPM

Qutb, Muhammad. (1995). *Manhaj al-Fann al-Islāmi*. Beirut: Dar al-Syuruq.

Qutb, Sayyid. (1994). *Ma'ālim fi al-Thariq (Petunjuk Sepanjang Jalan)*. Kuala Lumpur: Crescent News

Qutb, Sayyid. (2000). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an* (Terj. Yusoff Zaky Haji Yacob). Jilid 1. Kota Bharu: Pustaka Aman Press

Qutb, Sayyid. (2000). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an* (Terj. Yusoff Zaky Haji Yacob). Jilid 2. Kota Bharu: Pustaka Aman Press

Qutb, Sayyid. (2002). *Khaṣa'iṣ al-Taṣawwur al-Islami wa Muqawwimatihi*. Cetakan Ke-15. Kaherah: Dar al-Syurūq

Rosni Samah. (2014). *Sumbangan Novel Zainab dalam Kemunculan Novel Malaysia Faridah Hanom*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Sahabuddin et al. (2007). *Ensiklopedia Al-Qur'an: Kajian Kosakata*. Jakarta: Lentera Hati.

Sahar Kamarudin. (2011). *Ab'ād al-Syakhsiyyat al-Diniyyat fi riwayat Naguib al-Kilani (Dimensi-dimensi Watak Beragama dalam Novel-novel Naguib al-Kilani)*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan. Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Saifullizan Yahaya (2012). *Konsep Kaffah dalam Revolusi yang Ditangguhkan Berdasarkan Sastera Profetik*. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Shahnon Ahmad dalam Sastera, Budaya dan Media. Pusat pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. 10-11 Oktober.

Saifullizan Yahaya. (2014). *Konsep Kaffah dalam Kumpulan Cerpen Pilihan Berdasarkan Gagasan Sastera Profetik*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.

al-Sakandari, Ibn 'Aṭā'illah. (1994). *Al-Hikam: Induk Hikmah*. Batu Caves: Thinker's Library

© COPYRIGHT UPM

Shahnon Ahmad. (1981). *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Shaiful Bahri Md. Radzi. (2016). *7 Kertas Cadangan Penyelidikan Sains Soosial dan Kemanusiaan: Penyelidikan Kualitatif*. Kuala Lumpur: Global Mediastreet.

Sidi Gazalba. (1976). *Masyarakat Islam I*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Sri Yatini A.Y. (2012). *Wayang sebagai Simbol Hidup dan Kehidupan*. Jakarta: Penerbit Universiti Trisakti.

Soegiarso Soerojo. (1988). *Siapa Menabur Angin Akan Menuai Badai (G30S/PKI dan Apa Peran Bung Karno)*. Jakarta: Soegiarso Soerojo

Sohaimi Abdul Aziz. (2004). *Novel dalam Kritikan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Stanton, R. (2012). *Teori Fiksi.* (Terj. Sugihastuti). Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Supaat I. Latief. (2008). *Sastera: Eksistensialisme – Mistisisme Religius*. Lamongan, Jawa Timur: Pustaka Ilalang.

al-Syaukāni, Muhammad Ali Muhammad. (2009). *Tafsir Fathul Qadir (Jilid 2)*. Jakarta: Pustaka Azzam.

Syeikh Muhd Mujahid. (2013). *Ensiklopedia al-Quran*. Batu Caves: Must Read

al-Ṭabarī, Abi Jaafar Muhammad bin Jarir. (1957). *Tafsir al-Ṭabari* (Juz' 12). Kaherah: Dar al-Maarif.

Taha Wadi. (1997). *Madkhal ila Tarīkh al-Riwāyat al-Masriyyat*. Kaherah: Dar al-Naṣ li al-Jāmi'at

Talib Samat. (1998). *Gaya Kewartawanan Baru: Dimensi Kewartawanan dan Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Thinker's Library.

© COPYRIGHT UPM

Taufiq Ahmad Dardiri. (2006). Menyaksikan Kekerasan Politik dalam Novel '*Azrā' Jākartā. Kajian Linguistik dan Sastra*, Vol 18, No.35 (153-163). Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga.

Taufiq Ahmad Dardiri. (2008). *Konflik Komunisme dengan Islam dalam Novel 'Azra' Jakarta: Analisis Struktural-Genetik.* Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan. UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta.

Thomas, Peter D. (2010). *The Gramscian Moment: Philosophy, Hegemony and Marxisme*. London: Haymarket Books.

Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2012). Persuratan Baru: Anjakan Positif yang Diperlukan oleh Sastera Melayu. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Teori dan Kritikan Sastera Malaysia*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, 28-29 September.

Wan Anwar. (2007). *Kuntowijoyo: Karya dan Dunianya*. Jakarta: PT Grasindo.

Wellek, R & Warren, A. (1970). *Theory of Literature*. Harmondsworth: Penguin Books.

Yahya A. Muhaimin. (1982). *Perkembangan Militer dalam Politik di Indonesia 1945-1966*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

Zakaria Stapa. (1995). *Akhlak & Tasawwuf Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.

al-Zuhayly, Wahbah. (1998). *Tafsir al-Munir (Juz' 1)*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'āsir.

al-Zuhayly, Wahbah. (1998). *Tafsir al-Munir (Juz' 13)*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'āsir.

Zulkarnain Mohamed. (2002). *Karya Kreatif Islami: Analisa Teori dan Aplikasi*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zulkarnain Mohamed. (2011). *Batasan Berkarya Menurut Akidah Islamiah: Kajian* Awlad Haratina *oleh Najib Mahfuz,* Diwan *oleh Abd al-Rahman al-Bayati,*

© COPYRIGHT UPM

dan Langit Makin Mendung *oleh Kipandjikusmin.* Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zulkarnain Mohamed. (2011). *Batasan Berkarya Menurut Akidah Islamiah: Kajian* Awlad Haratina *oleh Najib Mahfuz,* Diwan *oleh Abd al-Rahman al-Bayati, dan* Langit Makin Mendung *oleh Kipandjikusmin.* Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Laman Web

http://ethiopiandynasty.weebly.com/solomonic-dynasty-1889-1936.html (diakses pada 29/05/2015)

http://www.biography.com/people/haile-selassie-i-9325096 (diakses pada 30/12/2015)

http://www.uyghurcongress.org/en/?p=488 (diakses pada 03/01/2016)

http://www.forcedmigration.org/podcasts-videos-photos/video/uyghur (diakses pada 19/01/2016)

http://kamusbahasaindonesia.org/humanisasi (diakses pada 03/01/2016)

http://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar (diakses pada 03/01/2016)

© COPYRIGHT UPM